

Inovasi hijau cetus impak, tawaran hati juri

KUMPULAN Green XX dari Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meraih tempat keempat dalam Pertandingan Inovasi MALA 3.0 Piala YB Menteri KPKT 2024-2025, sekali gus membawa pulang geran projek bernilai RM100,000.

Pertandingan anjuran Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) itu menghimpunkan 30 kumpulan inovasi terbaik daripada pelbagai pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara, yang bersaing di pentas akhir di Dewan Kenanga, Majlis Bandaraya Johor Bahru, baru-baru ini.

Green XX tampil dengan solusi alam sekitar berimpak tinggi, berfokus kepada pendekatan lestari dan teknologi pemantauan pencemaran bersepadu yang mesra pengguna serta mampu diadaptasi dalam pengurusan bandar moden.

Menurut hantaran di laman Facebook DBKL, projek yang diketengahkan oleh Green XX adalah hasil kolaborasi dalaman antara pegawai teknikal, jurutera dan perancang bandar yang prihatin terhadap isu pencemaran dan pengurusan alam sekitar secara holistik di ibu kota.

Projek tersebut dinilai berdasarkan elemen impak, kebolehpasaran, kebolehupayaan pelaksanaan serta keberkesanan kos dalam konteks tadbir urus PBT.

“Penyertaan ini bukan sahaja mencerminkan daya saing warga DBKL dalam mencetus inovasi berasaskan realiti lapangan, malah membuktikan komitmen kami dalam mendukung matlamat pembangunan mampan sejajar dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040,” katanya.

Pertandingan MALA 3.0 ini merupakan inisiatif tahunan yang bertujuan memperkasa budaya inovasi dan daya cipta dalam kalangan PBT seluruh negara. Melalui penganjuran edisi ke-3 ini, peserta dituntut bukan sahaja memikirkan solusi kreatif, tetapi juga membuktikan keberkesanan idea melalui pembentangan, prototaip dan sesi penilaian intensif.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Presiden MALA, Datuk Abd Hamid Hussain yang juga Datuk Bandar Majlis Bandaraya Diraja Klang.

Terdahulu, Majlis Bandaraya Ipoh dinobatkan sebagai Juara Pertandingan Inovasi MALA 3.0, manakala Majlis Bandaraya Pulau Pinang di tempat kedua dan Perbadanan Putrajaya (PPj) pula berjaya mendapat tempat ketiga. 